



## PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2019

### BAHASA MELAYU PENULISAN TAHUN 5

NAMA : \_\_\_\_\_

TAHUN : \_\_\_\_\_

#### Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara penjagaan gigi.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang cara-cara penjagaan gigi berdasarkan gambar.



(Gosok gigi)




(Berkumur)



(Ubat gigi berflorida)


#### PENJAGAAN GIGI



(rawatan gigi)



(kurang makanan manis)



10

[Lihat sebelah]

Bahasa Melayu Penulisan Thn 5

## Bahagian B


[15 markah]

[ Masa dicadangkan : 25 minit]

Gambar di bawah menunjukkan 3 jenis tong kitar semula.


Tulis ulasan tentang kepentingan kitar semula dalam bentuk perenggan.

Panjang ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80** patah perkataan.



## Kepentingan kita semula:

1. Mengelakkan pencemaran alam sekitar.
  2. Sumber pendapatan sampingan.
  3. Menjimatkan kos pengeluaran bahan mentah.
  4. Mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab.



[Lihat sebelah  
Bahasa Melayu Penulisan Thn 5

## Bahagian C

[ 25 markah ]

[ Masa dicadangkan : 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjang jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

### Soalan 1

Sekolah kamu telah mengadakan Sambutan Hari Guru peringkat sekolah. Kamu perlu menulis sebuah berita mengenai sambutan tersebut untuk majalah sekolah. Tuliskan berita tersebut selengkapnya.

ATAU

### Soalan 2

#### **Sekolahku**

Sekolahku,  
Tempat segalanya gedung ilmu,  
Yang mengajar anak bangsa erti  
kehidupan,  
Merealisasikan suatu wawasan,  
Bersatu dan maju,  
Menuju era kejayaan,  
Bersama pendidik sejagat,  
Yang tidak pernah jemu berbakti.

#### **Sekolahku**

Sekolahku,  
Tempat segala gedung pengetahuan,  
Bersama berganding dan berusaha,  
Bersama mencipta kesungguhan,  
Di samping rakan sebaya,  
Melangkah teguh menempa kejayaan,  
Meraih seribu impian.

Dua rangkap puisi di atas merupakan sebahagian daripada sajak Sekolahku.

Sajak tersebut menggambarkan kepentingan sekolah sebagai tempat menuntut ilmu.

Berdasarkan sajak tersebut, tuliskan karangan mengenai kepentingan menuntut ilmu.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

25

[Lihat sebelah  
Bahasa Melayu Penulisan Thn 5